



03 FEB, 2026

MHC sasar gilap banyak bakat di Sabah, Sarawak

Harian Metro, Malaysia



MHC sasar gilap banyak bakat di Sabah, Sarawak

Kuala Lumpur: Konfederasi Hoki Malaysia (MHC) kini dalam perancangan untuk memperbanyak program pembangunan termasuk kejohanan di Sabah dan Sarawak agar lebih banyak bakat dicungkil untuk mewakili negara pada masa akan datang.

Presiden MHC, Datuk Seri Subahan Kamal (*gambar*) berkata, untuk memastikan perkara itu dapat direalisasikan, beliau akan mengadakan perbincangan bersama penaja, Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi melihat gerak kerja yang boleh dila-

kukan.

“Mengetahui mengenai pembangunan, kita akan bincang dengan NHDP (Program Pembangunan Hoki Negara) yang berada di bawah MSN (Majlis Sukan Negara). Fokus tahun ini adalah pembangunan di Sabah dan Sarawak kerana banyak bakat di sana. Kita mahu adakan lebih banyak pertandingan kerana kawasan terlalu besar dan kos logistik tinggi untuk mereka datang ke Semenanjung.

“Apa yang saya mahu sampaikan adalah, kita rasa ada lebih banyak bakat di negeri berkenaan, mungkin di kawasan-kawasan

pedalaman. Jadi, kita nak tengok macam mana kita nak buat pertandingan di sana. Untuk melakukan di semua tempat, mungkin tidak boleh tapi setengah kawasan seperti Miri, Bintulu dan Kuching (Sarawak) sudah ada.

“Manakala Sabah, di Sandakan. Kita cuba adakan lebih banyak. Perkara ini kita akan bincang balik dengan NHDP dan penaja kita, TNB untuk lihat macam mana boleh salurkan bantuan tambahan supaya kita boleh adakan lebih banyak pertandingan,” katanya.

Untuk makluman, Sabah dan Sarawak sentiasa memberi kerjasama yang sangat baik apabila semua kejohanan yang dianjurkan oleh MHC, mereka akan mengambil bahagian biarpun berdepan kos yang tinggi terutama tiket kapal terbang.

Justeru, dengan adanya kejohanan di tempat sendiri dengan bantuan pihak berwajib, perkara ini boleh memberi kebaikan kepada semua golongan dan lebih penting, bakat baharu boleh dicari.

“Bila pertandingan diadakan di banyak tempat, akan ada pemain berbakat timbul. Dari situ mungkin kita boleh ambil mereka,” katanya

